

Abdullah Hukum dari pedagang jadi pembesar

B.M 27/01/02 M156

Sultan Selangor lantik Abdullah Ketua Masyarakat Kuala Lumpur

Oleh Mohd Azis Ngah
azis@bharian.com.my

KAMPUNG Hj Abdullah Hukum, Jalan Haji Abdullah Hukum di Bangsar dan yang terbaru, Apartmen Haji Abdullah Hukum adalah antara tempat yang diambil sempena nama Haji Abdullah Hukum.

Siapakah sebenarnya Haji Abdullah Hukum? Tentu ramai generasi muda yang tidak mengetahui nama tokoh besar ini dalam sejarah tanah air dan kaitannya dengan Kuala Lumpur dan Selangor.

Nama sebenar Haji Abdullah Hukum ialah Muhammad Rukun. Beliau kemudian digelar mengikut adat sebagai Arya Jaya. Ketika menunaikan fardu Haji ke Makkah dan berada di Padang Arafah, beliau digelar sebagai Haji Abdullah Hukum.

Nama itu terus kekal hingga ke akhir hayatnya dan digunakan sehingga sekarang. Tokoh besar ini dilahirkan pada 1835 dan meninggal dunia sekitar tahun 1930-an ketika berusia kira-kira 100 tahun.

Ayahnya dikenali sebagai



ABDULLAH Hukum antara pembesar Melayu yang disegani di Kuala Lumpur.

Putih, (sekarang Jalan Bangsar). Beliau akhirnya menetap di Sungai Putih, iaitu di kampung yang kini dikenali sebagai Kampung Haji Abdullah Hukum.

Di sekitar kawasan Sungai Putih ada sebuah kampung Melayu dinamakan Kampung Haji Abdullah Hukum sempena nama beliau. Abdullah yang juga digelar Arya Jaya mengikut adat, pernah dilantik Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad sebagai Ketua Masyarakat Kuala Lumpur dengan gelaran Tuk Dagang Dianjuk.

Sejak Kuala Lumpur dibuka hingga 1890-an, Bukit Nenas adalah pusat kuasa bagi masyarakat Melayu kerana wakil Sultan menetap di situ. Jika terdapat sebarang keramaian tradisional seperti sempena pelantikan ketua atau pembesar masyarakat Melayu, ia akan diadakan di Bukit Nenas.

Antaranya sempena pelantikan Tuk Alam Setapak, Tuk Bela Sungai Cantik, Imam Perang Muhammad Arif, Raja Utih dan Tuk Dagang Dianjak (Haji Abdullah Hukum sendiri), di mana satu keramaian diadakan selama tujuh hari tujuh malam

Secanggih yang bermakna 'kunci pintu' dan bergelar Tuk Pangku.' Nama ayahnya kemudian ditukar kepada Haji Abdul Rahim, juga ketika berada di Padang Arafah, Makkah.

Haji Abdullah Hukum berketurunan suku kaum Kerinci dan berasal dari kariah Sungai Abu, jajahan Sungai Penoh di Kerinci, Sumatera, Indonesia.

Beliau datang berdagang bersama ayahnya ke Tanah Melayu pada 1850 ketika berumur 15 tahun. Mereka singgah di Melaka selama tiga malam dan menumpang di rumah Datuk Dagang Haji Said, bapa mentua kepada Tambi Abdullah yang juga seorang har-



Esah Hassan

tawan di Kuala Lumpur.

Dari Melaka mereka belayar menuju ke Pengkalan Kempas dan dari situ Abdullah Hukum mengambil upah menggalas kain daripada seorang saudagar kain keturunan Kerinci, iaitu Haji Abdul Rahim untuk pergi ke Sungai Ujong.

Mereka tinggal di situ selama lapan hari dan disebabkan tiada pekerjaan yang sesuai, mereka mengikut rombongan orang menggalas kain pergi ke Kuala Lumpur kerana di situ dikatakan banyak pekerjaan seperti bertanam sayur dan mendulang bijih timah.

Ketika Abdullah Hukum

tiba di Kuala Lumpur, beliau menumpang tinggal di rumah Haji Abdul Ghani, orang Air Bangis (Minangkabau) yang berniaga di satu lorong yang dikenali sebagai Java Street.

Sungguhpun Kuala Lumpur menjadi semakin maju dan berkembang pesat selepas campur tangan British pada 1875, penduduk Melayu yang berjaya untuk berkongsi kemajuan awal Kuala Lumpur sejak 1850-an mula tersisih daripada arus pembangunannya.

Ketika itu, Abdullah mendapat kebenaran membuka kebun di Bukit Nenas dan membuka kawasan perkampungan Sungai

menurut adat keramaian zaman dulu.


Cucu Abdullah, Esah Hassan, 71, ketika ditemui *Berita Minggu* menjelaskan, arwah datuknya seorang yang sangat tekad, berbadan besar, tinggi dan berkulit cerah.

"Ketika umur saya 10 tahun, saya masih ingat atuk hanya duduk terbaring di rumah, dia sakit tua selama beberapa tahun. Emak saya cakap atuk menghidap penyakit bisul di tengkuk, katanya sakit orang kaya.

Esah dan sumainya, Muhamad Amir, 75, adalah sepupu, kini masih tinggal bersebelahan rumah asal yang dibina Abdullah di Kampung Haji Abdullah Hukum. Rumah yang mempunyai 18 tiang itu dikatakan dibina sejak lebih 100 tahun lalu dan masih kukuh sehingga sekarang.

Tangga batu rumah itu juga dibina berdasarkan ciri rumah orang Melaka, dipercayai mengikut cita rasa isterinya, Zainab Ismail yang berasal dari Melaka.

Ketika kawasan perumahan di kampung itu dirobohkan untuk tujuan pembangunan, keluarga Abdullah merayu agar rumah tinggalan pengasas kampung itu dipelihara dan dikekalkan sebagai warisan sejarah yang boleh dikunjungi generasi akan datang.



RUMAH asal Abdullah Hukum di Kampung Haji Abdullah Hukum



PAPAN tanda ke Kampung Haji Abdullah Hukum di Lembah Pantai